



KKM saran ambil dos penggalak COVID-19, lonjakan kes di China

Oleh Suzalina Halid - Disember 29, 2022
suzalina@bh.com.my



Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) menyarankan rakyat Malaysia mendapatkan dos penggalak vaksin COVID-19 susulan perkembangan wabak itu yang kembali mengganas di China.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham Abdullah, berkata ia adalah sebagai langkah siap siaga awal susulan perkembangan kes COVID-19 di China.

"Melihat kepada perkembangan terkini di China, KKM ingin menyarankan kepada semua untuk mendapatkan dos penggalak vaksin terutama barisan hadapan dan kumpulan berisiko tinggi.

"Walaupun kes dalam negara masih terkawal dan menurun, kita perlu mengambil tindakan bersiapsiaga," katanya kepada BH, di sini.

Beberapa hari lalu, media melaporkan wilayah perindustrian Zhejiang berdepan sejuta jangkitan baharu COVID-19 setiap hari malah jumlah itu dijangka meningkat sehingga dua kali ganda dalam tempoh beberapa hari lagi.

Data Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit China melaporkan terdapat peningkatan kes di seluruh negara itu tetapi tiada laporan kematian COVID-19 di tanah besar sejak lima hari lalu.

Sementara itu, angka kematian terbaru akibat COVID-19 di ibu negara China menunjukkan peningkatan susulan ramai rakyatnya demam dan upacara pengebumian meningkat selepas negara itu melonggarkan sekatan.

Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan dilaporkan berkata lima kematian baharu direkodkan, semuanya di Beijing, sekali gus meningkatkan jumlah kematian kepada 5,242 mangsa, yang agak rendah berdasarkan piawaian global tetapi berpotensi meningkat selepas dasar 'Sifar COVID-19' dilonggarkan.

Sementara itu, laman web KKMNOW, sebanyak 12,920 kes aktif COVID-19 direkodkan hingga semalam.

Sebanyak empat kematian direkodkan semalam menjadikan angka keseluruhan yang maut akibat COVID-19 ialah 36,845.